

Tolak fahaman

3 AUG 1990

sempit: PM

(P)

KUALA LUMPUR, Khamis — Rakyat Malaysia perlu menolak sebarang kegiatan yang boleh mengancam keamanan dan keharmonian di negara ini, khususnya dengan mengetepikan perjuangan yang sempit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, beliau berkata, rakyat Malaysia perlu menumpukan masa dan tenaga kepada perjuangan yang lebih luas, iaitu perjuangan untuk memajukan lagi negara.

"Hanya apabila negara mencapai kemajuan sahaja, barulah kita akan mendapat bahagian yang bermakna bagi diri kita. Jika keamanan dan pembangunan tidak wujud, tidak ada apa yang hendak dibahagi-bahagikan," katanya.

Dalam Perutusan Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tidak ada gunanya jika negara 'menang sorak tetapi kalah sabung'.

"Kerajaan menerima falsafah ini. Untuk kejayaan kita bersama, semua rakyat Malaysia hendaklah mempunyai falsafah yang sama," katanya.

Menurutnya, Malaysia berjaya sebagai sebuah negara merdeka bukan sahaja kerana ia mengamalkan demokrasi tetapi juga kejayaannya mewujudkan keamanan dan keharmonian kaum serta pentadbiran cekap dan berkesan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga berjaya kerana kesanggupan rakyat menyertai polis dan tentera untuk mempertahankan negara dan kerajinan serta disiplin pekerja.

"Untuk menentukan faktor-faktor ini membawa hasil yang baik, sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan cekap adalah perlu. Dan keperluan ini jelas sudah dipenuhi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selain pembangunan, dasar perindustrian negara juga berjaya, khususnya dengan mencatatkan pelaburan berjumlah \$23 bilion bagi separuh tahun pertama 1990 jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya pada sekitar puluhan juta ringgit sahaja.

"Industri berat dan pelancongan mencatat kejayaan dan pertumbuhan tinggi. Jika kita kata bahawa kita akan pesatkan lagi pembangunan dan kemajuan Malaysia, kemungkinan kita dapat berbuat demikian adalah besar," katanya.

Menurutnya, tema Hari Kebangsaan tahun ini — *Berjaya* — mengiktirafkan kejayaan negara dan hasrat untuk terus berjaya.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan tidak datang bergolek kerana ia perlu diusahakan dengan tekun dan disiplin.

"Justeru itu, kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh lagi untuk memberi makna kepada kemerdekaan dan kepada diri kita sendiri," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta supaya pemimpin kerajaan, ketua eksekutif swasta, kakitangan kerajaan, peniaga, pekerja dan rakyat menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing berpandukan sifat amanah serta tanggungjawab yang tinggi.

Beliau berkata, sejarah membuktikan banyak negara dan masyarakat maju menjadi mundur dan tidak stabil disebabkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, yang menyebabkan pentadbiran dan masyarakat terganggu.

"Apabila gejala ini berlaku, setiap usaha untuk membangun negara tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, menyebabkan pentadbiran lemah, ekonomi merosot dan rakyat menderita. Kita seharusnya belajar daripada sejarah dan pengalaman ini supaya kita tidak mengalami nasib yang sama," katanya.